

10 SEP 1999

MALAYSIA-EKONOMI (Fokus Berita)

MAKIN RAMAI PENGKRITIK BERUBAH PENDAPAT TERHADAP EKONOMI M'SIA

Oleh: Yong Soo Heong

KUALA LUMPUR, 10 Sept (Bernama) -- Setelah Malaysia menunjukkan tanda-tanda pemulihan ekonomi -- meskipun atau disebabkan langkah-langkah bukan ortodoks yang telah diambilnya -- semakin ramai pengkritik mulai berubah pendapat mereka ketika membuat penilaian negara ini.

Kini mereka mula berkata bahawa Malaysia menggunakan penawar yang tepat untuk mengubati keperitan ekonominya akibat krisis kewangan Asia.

Malahan, mereka yang sebelum ini mempersendakan negara ini, terutamanya ketika ia mengenakan kawalan modal berpilih-pilih, mula memuji keberkesanan langkah-langkah yang telah diambil itu.

Pendapat mereka yang menggalakkan itu dipengaruhi oleh beberapa faktor. Ini termasuklah hakikat bahawa ekonomi Malaysia tidak menjunam di luar kawalan dan gelaran "pariah", dari segi pembiayaan dan perdagangan antarabangsa, tidak kekal lama apabila langkah-langkah kawalan bagi menstabilkan ekonomi membuahkan hasil.

Tidak wujud pasaran gelap apabila ringgit ditetapkan pada RM3.80 bagi setiap AS\$1 dan pelabur-pelabur langsung dari luar negara tidak pula bergegas meninggalkan Malaysia.

Malahan, Malaysia menangkis sekaan pengkritik dan penganalisis yang paling lantang apabila pelabur portfolio asing berpusu-pusu melabur di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) baru-baru ini.

Yang paling menyedapkan hati ialah pujian daripada Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), yang pada suatu ketika cuba mengenakan syaratnya sendiri ke atas Malaysia. IMF mengakui bahawa langkah-langkah yang diambil, sungguhpun bukan ortodoks, telah berjaya.

Malahan, IMF menyatakan bahawa kawalan-kawalan yang dilaksanakan secara pragmatik dan fleksibel telah memberikan kepada Malaysia "ruang bernafas" semasa krisis itu.

Ekonomi Malaysia, yang terjejas akibat krisis itu tahun lalu, menguncup 7.5 peratus. Sekarang, kerajaan meramalkan kadar pertumbuhan yang konservatif, iaitu 1.0 peratus bagi tahun ini.

Bagaimanapun ada sesetengah penganalisis asing yang lebih optimis dengan meramalkan kadar pertumbuhan 6.0 peratus untuk tahun ini.

Selain IMF, sokongan terhadap dasar ekonomi Malaysia dari pihak lain kini semakin meningkat. Misalnya, Wall Street Journal (WSJ), sebuah akhbar perniagaan terkemuka, melaporkan bahawa jika Barisan Nasional yang dipimpin Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memenangi pilihan raya akan datang dengan majoriti dua pertiga, BSKL akan memantul dengan serta merta.

Ini sungguh jauh berbeza daripada pandangan ketika krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi sedang meruncing, apabila pihak asing menggambarkan Dr Mahathir sebagai seorang yang mereka benci.

Tetapi sanjungan-sanjungan demikian seperti oleh WSJ terhadap Dr Mahathir mencerminkan perubahan umum di kalangan ramai pengkritik Malaysia, yang pada suatu ketika tidak yakin terhadap langkah yang diambil oleh negara ini.

Malahan, WSJ menulis, "Sekiranya pelabur-pelabur asing boleh mengundi dalam pilihan raya Malaysia tidak lama lagi, pilihan mereka tentunya Perdana Menteri Mahathir Mohamad."

Memandangkan sekarang tiada lagi "pendarahan" kewangan selepas ditarik balik moratorium setahun ke atas pembawaan pulang keuntungan portfolio dan pelaburan pada 1 Sept, semakin ramai rakyat asing memuji usaha Malaysia.

Menurut lidah pengarang Singapore Straits Times baru-baru ini,

masyarakat antarabangsa seharusnya menyanjung tindakan Mahathir kerana berjaya dalam usahanya itu, tetapi satu perubahan juga perlu dilakukan agar usaha-usaha sebegini tidak berulang. Dr Mahathir adalah orang yang mempunyai pendapat yang bertentangan dengan pendapat umum. Jika ada dua orang, tiga atau lebih sepertinya, tentu timbul masalah pula.

Bagaimanapun Dr Mahathir menegaskan semalam bahawa bukan mudah untuk mencontohi Malaysia kerana negara ini memiliki kekuatan dalaman dengan rizab tukaran asing yang mantap dan lebih perdagangan yang teguh.

Straits Time juga menyatakan, "Apabila krisis baru berlaku, negara-negara lain mungkin mengikuti jejak langkahnya. Kejayaan Dr Mahathir seolah-olah menguatkan hujah bahawa sistem kewangan antarabangsa perlu diubah."

Ini memperkuat lagi hujah Dr Mahathir bahawa peraturan mesti diwujudkan untuk mengawasi spekulator matawang yang merosakkan sesetengah matawang Asia dan ekonomi kira-kira dua tahun lalu. Sejak seminggu lalu, baht Thai sekali lagi diserang spekulator.

Bagaimanapun, kuasa-kuasa besar bersikap lepas tangan ataupun melengah-lengahkan usaha mereka terhadap isu tersebut.

Di samping itu, sektor korporat serta perbankan Malaysia berjaya dalam bidang masing-masing dari segi perolehan, sekaligus menyumbang kepada kemakmuran keseluruhan negara. Malayan Banking Bhd, bank terunggul di negara ini, dan Sime Darby Bhd, konglomerat terkemuka negara ini, baru-baru ini melaporkan perolehan keuntungan masing-masing yang melebihi RM1 bilion.

Kecapaian mereka menunjukkan penyusunan semula korporat dan kewangan yang dilaksanakan negara ini membuahkan hasil dan terdapat harapan bahawa semakin banyak syarikat akan melaporkan pendapatan yang lebih baik tahun ini.

Sejajar dengan perkembangan ini, Fitch IBCA, agensi penarafan antarabangsa kini kemungkinan menaikkan taraf Malaysia dari segi penarafan matawang asingnya bagi jangka pendek dan panjang kepada BBB- dan F3 masing-masing.

Indeks Morgan Stanley Capital International (MSCI) pula akan memasukkan Malaysia kembali ke dalam senarai indeksnya mulai Februari depan.

-- BERNAMA

SHY SJ MA/MFJ